

**Kerajaan Terus Laksana Dasar Bagi Sokong Ekonomi Berasaskan Pengetahuan - Najib Bernama**  
**4 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan terus mengasaskan dasar-dasar ekonomi dan melakukan pelaburan dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata beliau percaya dalam membina ekonomi berasaskan pengetahuan merupakan sebagai satu cara bagi Malaysia mencapai pertumbuhan mapan dan kekal berdaya saing dalam pasaran global.

"Kami akan terus meletakkan dasar-dasar dan pelaburan yang menyokong ekonomi berasaskan pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan serta infrastruktur teknologi maklumat.

"Kami akan memberi tumpuan kepada kesan sosial terhadap dasar kami dan sedar tanggungjawab kami bagi memastikan ekonomi berasaskan pengetahuan tidak meluaskan jurang antara pelbagai bahagian dalam masyarakat kita," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Merdeka 2012 di Dewan Filharmonik Petronas, di sini Isnin malam.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka, Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah dan Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim.

Hadir sama, isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, Pengerusi Petronas Tan Sri Mohd Sidek Hassan serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Shamsul Azhar Abbas.

Najib, yang juga penaung anugerah berkenaan, berkata sebagai negara yang sedang menuju ke arah negara maju menjelang 2020, Malaysia perlu merangka haluan sendiri bagi memperkukuhkan hasil yang dicapai dalam bidang penjagaan kesihatan, kewangan dan tenaga.

Katanya perubahan ekonomi akan diteruskan bagi membuka pelaburan dan memperoleh bahagian yang lebih besar dalam sektor dan teknologi tersebut pada masa depan.

Beliau berkata pembangunan Malaysia bergantung kepada keupayaannya membina sebuah ekonomi terbuka dan berkemahiran tinggi dan oleh itu ia perlu melabur dalam aset terpenting iaitu modal insan ketika negara menuju ke arah ekonomi dengan lebih fokus terhadap teknologi dan perkhidmatan.

"Sama seperti Malaysia mesti bersedia bersaing di rantau kita, jadi pekerja, pelajar dan usahawan kita mesti berupaya untuk berdikari di pentas dunia," katanya.

Najib kemudian menyampaikan Anugerah Merdeka kepada penerima tahun ini iaitu tokoh saintis, Tan Sri Emeritus Prof Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock, tokoh cendekiawan negara, Prof Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan saintis dan ahli ekologi Dr Engkik Soepadmo.

Ong, yang juga seorang pendidik, diberi pengiktirafan atas sumbangan cemerlang dalam penyelidikan dan pembangunan kimia serta teknologi minyak kelapa sawit.

Beliau juga memainkan peranan besar dalam mempromosi industri minyak sawit tempatan kepada dunia.

Syed Muhammad Naquib menerima anugerah berprestij itu bagi kategori Pencapaian Ilmuwan Terunggul kerana peranannya sebagai seorang pemikir Islam kontemporari selain turut diiktiraf sebagai cendekiawan terkemuka dunia.

Engkik pula dipilih sebagai penerima bagi kategori Sumbangan Cemerlang Kepada Rakyat Malaysia.

Beliau menjalankan penyelidikan secara khusus dalam kepelbagaian spesies, struktur dan fungsi ekologi hutan hujan tropika yang kompleks di Asia terutama di Malaysia.

Setiap penerima menerima hadiah wang tunai sebanyak RM500,000 beserta trofi dan sijil .

Bagaimanapun, pada tahun ini, tiada penerima bagi kategori Pendidikan, Komuniti dan Persekitaran.

Setakat ini, seramai 17 individu dan dua organisasi menjadi penerima Anugerah Merdeka yang diwujudkan sejak 2007.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713653>